

83 syarikat sertai Projek EPP

SEBANYAK 83 syarikat sudah menyertai Projek Penggerak Ekonomi (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian dengan pertambahan 14 syarikat baru sejak Januari hingga awal Jun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Seri Noh Omar, berkata menerusi 16 Projek Utama Permulaan (EPP), kerajaan menyasarkan impak Pendapatan Kasar Negara (GNI) berjumlah RM28.9 bilion dengan penambahan peluang pekerjaan sebanyak 74,600 pada 2020.

“Dari Januari hingga Jun tahun ini, 14 syarikat baru sama ada sebagai Syarikat Peneraju atau Syarikat Penyertaan sudah menyertai Projek EPP dan diharap keseluruhan syarikat mampu menyumbang GNI lebih RM5 bilion dengan peluang pekerjaan, 23,533,” katanya pada sesi penerangan terkini NKEA Pertanian bagi 2012 di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sehubungan itu, katanya, komitmen pelaburan swasta juga dijangka meningkat kepada RM2.69 bilion pada akhir 2020.

Antara syarikat peneraju yang menunjukkan komitmen tinggi ialah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Blue Archipelago Berhad di bawah EPP6-Replikasi iZAQ yang melaksanakan projek akuakultur untuk penetasan yang bakal menyumbang RM52 juta kepada GNI pada 2020 manakala komitmen swasta pula berjumlah RM25.26 juta.

Seterusnya, Syarikat Duria Resources Sdn Bhd, syarikat penyertaan di bawah EPP8 yang melaksanakan Taman Pengeluaran Makanan dengan lebih lima tahun pengalaman dalam penyediaan, pemprosesan dan pemasaran produk berasaskan durian di Tangkak, Jerantut dan Batu Kurau.

Syarikat ini dijangka memperoleh pendapatan terkumpul GNI sebanyak RM605.8 juta dengan pertambahan peluang pekerjaan sebanyak 1,551 manakala komitmen

pelaburan swasta pula RM580 juta.

Syarikat Paddytech Resources Sdn Bhd yang baru saja diluluskan di bawah EPP9 mengusahakan projek penanaman padi wangi MRQ76 (jenis Jasmine) di Kelantan dan Terengganu, dijangka memperoleh saisan GNI berjumlah RM4.06 juta manakala komitmen pelaburan swasta pula RM11.4 juta pada 2020.

Di bawah EPP13 -kluster tenuus, Evergreen Livestock Sdn Bhd dilantik syarikat peneraju di Sabah selain Syarikat Allied Dairy Sdn Bhd di Johor yang menyasarkan perolehan GNI sebanyak RM105 juta dengan komitmen pelaburan swasta RM36.6 juta.

NKEA Pertanian memberi fokus kepada subsektor dengan nilai pertumbuhan tinggi seperti herba, pengeluaran sarang burung walit, rumpai laut, akuakultur bersepadau, buah dan sayur segar premium, pengeluaran beras wangi, ternakan dan kluster susu serta produk industri asas tami yang bernilai premium untuk eksport.



EE
Menerusi 16 EPP, kerajaan menyasarkan impak GNI berjumlah RM28.9 bilion dengan penambahan peluang pekerjaan sebanyak 74,600 pada 2020 **99**

Noh Omar
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani